

# Sasarkan penubuhan Komuniti Asia Timur 2010

UM - 7 AUG 2003

KUALA LUMPUR 6 Ogos — Seorang profesor dari Universiti Seikei, Jepun hari ini mencadangkan supaya penubuhan Komuniti Asia Timur (EAC) disasarkan pada tahun 2010.

Prof. Emeritus Ryokichi Hirono berpendapat tempoh masa tujuh tahun dari sekarang untuk mencapai matlamat itu adalah realistik dan strategik memandangkan asasnya telah pun dibentuk menerusi kerjasama ASEAN + 3.

"Kita semua tahu Kesatuan Eropah (EU) yang bermula dengan Komuniti Ekonomi Eropah (EEC) kini diperluaskan kepada 25 negara anggota.

"Pada 2005, Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA) akan bergabung dengan blok perdagangan Amerika Selatan (Mercosur), manakala Kawasan Perdagangan Bebas Amerika (FTAA) pula disasarkan pada 2010.

"Rantau lain telah pun menetapkan sasaran untuk dicapai dan wajarlah kita juga berbuat demikian. Bagi saya, 2010 adalah masanya bagi EAC," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membincangkan tajuk 'Membina Institusi-institusi Asia Timur dan Peta Laluan Sidang Kemuncak Asia Timur' mengikut perspektif Jepun pada sesi terakhir Kongres Asia Timur Pertama di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Menurut Hirono, selagi Asia Timur tidak menetapkan jangka masa tertentu, matlamat untuk menubuhkan EAC tidak akan menjadi kenyataan.

Dalam hal ini, tegasnya, masyarakat Asia Timur perlu menunjukkan kesungguhan dengan menggalakkan kerajaan masing-masing memperakui penubuhan EAC.

Penasihat Antarabangsa Goldman Sachs Korea Selatan, Dr. Kim Kihwan pula bersetuju dengan pendapat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa sudah sampai masanya 'EAC' keluar daripada bersembunyi di sebalik nama ASEAN + 3.

Justeru beliau berpendapat daripada mengadakan mesyuarat ASEAN+3 semasa Sidang Kemuncak ASEAN, Asia Timur patut menganjurkan sidang kemuncaknya sendiri.

Bagi mengukuhkan kerjasama serantau pula, beliau mencadangkan beberapa institusi mengikut sektor kritikal ditubuhkan umpamanya Institut Kewangan Asia Timur (EAFI) dan Pusat Kawalan Penyakit (CDC) Asia Timur.